



KENYATAAN MEDIA
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA

**PEMBUKAAN SEKTOR EKONOMI DI NEGERI MELAKA KETIKA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

1. Kerajaan Negeri Melaka amat mendengar keluh kesah rakyat dan prihatin dengan nasib golongan yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19 yang turut menyebabkan sebahagian daripada mereka kehilangan pendapatan terutama yang bekerja sendiri dan bergaji harian termasuk peniaga pasar malam, pasar pagi, bazaria, kedai gunting rambut dan salun kecantikan.
2. Berdasarkan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020 berhubung penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 9 Jun 2020 dan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020, kerajaan akan memberikan lebih banyak kelonggaran kepada orang ramai untuk menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan seharian di samping mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan secara berterusan.
3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas COVID-19 Negeri Melaka telah diadakan pada 9 Jun 2020 bertujuan bagi memperhalusi beberapa pengumuman berhubung sektor-sektor ekonomi yang diberikan kelonggaran untuk beroperasi seperti mana pengumuman oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Kanan Keselamatan.

4. Hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Khas COVID-19 Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar telah membuat keputusan seperti berikut:
- a) Perkhidmatan gunting rambut, pendandan rambut dan kecantikan serta salun dibenarkan untuk beroperasi bermula pada 10 Jun 2020 selaras dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, operasi hendaklah mengikut SOP yang akan dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
 - b) Bagi pasar terbuka termasuk pasar pagi, pasar malam dan bazaria juga akan dibenarkan beroperasi berkuat kuasa bermula pada 15 Jun 2020 tertakluk kepada SOP yang akan diselaraskan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar pada 11 Jun 2020. Hal ini berikutan kebimbangan Kerajaan Negeri Melaka mengenai kemungkinan akan berlaku pengumpulan orang ramai yang bersesak-sesak di kawasan penganjuran pasar terbuka tersebut. Banyak aspek perlu diteliti dan diperhalusi bagi memastikan keselamatan peniaga dan pengunjung sentiasa menjadi keutamaan. Justeru itu, Kerajaan Negeri Melaka akan mengeluarkan SOP yang lebih ketat bagi mengelak kluster baharu di samping memastikan negeri Melaka terhindar daripada diisytiharkan sebagai kawasan atau zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
 - c) Aktiviti komersial yang melibatkan urusan niaga jualan dan pemasaran bukan dalam premis perniagaan sudah dibenarkan seperti sedia kala.
 - d) Aktiviti pelancongan domestik seperti penginapan di hotel, lawatan ke muzium, zoo dan pusat-pusat pelancongan juga sudah dibenarkan.

- e) Aktiviti riadah dan rekreasi seperti kolam pancing komersial, berkelah dan bersenam di taman-taman awam sudah dibenarkan. Sehubungan dengan itu, semua aktiviti riadah di taman-taman awam dan hutan rekreasi seperti Taman Bukit Serindit dan Taman Botanical adalah dibenarkan.
- f) Semua gimnasium, dewan tertutup (*indoor venue*) seperti dewan badminton, kompleks sukan pelbagai, pusat snuker dan pusat-pusat sukan yang lain) dibenarkan beroperasi bermula pada 15 Jun 2020.
- g) Operator kompleks / pusat sukan perlu mengisi borang notifikasi pembukaan terlebih dahulu melalui laman web Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi rujukan SOP dan untuk tujuan pemantauan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Borang notifikasi boleh diakses bermula pada 8 Jun 2020.
- h) Kerajaan juga memberi kebenaran kepada orang awam untuk melakukan aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak ada sentuhan badan (*non-contact*), di dalam atau di luar dewan (*indoor and outdoor facilities*) mulai 15 Jun 2020 seperti :-
 - i. Sukan individu – badminton, olahraga, angkat berat
 - ii. Sukan permotoran; dua roda dan empat roda
 - iii. Sukan ekstrem – payung terjun, papan luncur, paramotor
 - iv. Sukan rekreasi / riadah – senamrobik, yoga
- i) Bagi sukan berpasukan seperti bola sepak, hoki, ragbi, bola jaring; dan sukan tempur / kombat seperti karate, taekwando, silat dan sebagainya, ia dibenarkan hanya untuk tujuan latihan sahaja tanpa sentuhan badan (*non-contact*) dengan penjarakan sosial 3 hingga 5 meter antara seorang dengan seorang yang lain semasa latihan.

- j) Penganjuran kejohanan, acara dan pertandingan sukan masih kekal tidak dibenarkan bagi mengelakkan perhimpunan ramai (*mass gathering*).
 - k) Aktiviti sukan air di kolam renang juga masih kekal tidak dibenarkan termasuk aktiviti kolam renang di hotel-hotel.
 - l) Gerai-gerai di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) juga dibenarkan beroperasi mulai 10 Jun 2020.
 - m) Surau di pusat beli-belah dan kawasan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) juga dibenarkan untuk dibuka semula mulai pada 10 Jun 2020 dengan pematuhan SOP.
 - n) Zoo Melaka dibenarkan beroperasi bermula pada 10 Jun 2020 dengan SOP ketat yang akan dikeluarkan oleh pihak MKN.
 - o) Restoran, gerai makan, semua *outlet* makanan dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi sehingga jam 12 tengah malam mulai 10 Jun 2020.
 - p) Aktiviti hiburan seperti pub, kelab malam, pusat hiburan, pusat refleksologi, pusat karaoke, taman tema, perarakan keagamaan dalam jumlah yang ramai, kenduri-kendara, rumah terbuka dan apa-apa aktiviti lain yang melibatkan kehadiran orang ramai yang bersesak di suatu tempat sehingga menyukarkan amalan penjarakan sosial dan pematuhan kepada SOP adalah tidak dibenarkan.
 - q) Sambutan Hari Raya Aidiladha dan ibadah korban akan dibenarkan tertakluk kepada SOP yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).
5. Walau bagaimanapun, kebenaran yang diberikan masih tertakluk kepada pematuhan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Kerajaan Negeri Melaka

berharap dengan kebenaran terbaharu ini akan dapat merancakkan semula aktiviti ekonomi di negeri ini terutama dalam sektor pelancongan, makanan dan minuman merangkumi peniaga-peniaga kecil.

6. Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua rakyat Melaka yang sentiasa patuh kepada SOP yang ditetapkan dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19 ini.

**DIKELUARKAN OLEH:
PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA
9 JUN 2020**